

11 MAY 2003

MIC-Resolusi/I

MIC MAHU BADAN PEMANTAUAN KHAS BAGI PENGAMBILAN BUKAN BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- MIC mahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menubuhkan sebuah badan pemantauan khas bagi memastikan pelaksanaan yang komprehensif dan berkesan berkaitan pengambilan bukan Bumiputera ke dalam sektor perkhidmatan awam.

Menurut parti itu, jawatankuasa berkenaan mesti mengemukakan laporan berkala kepada Perdana Menteri mengenai kemajuan yang dicapai oleh dasar terbabit.

"Kami menggesa Perdana Menteri supaya mengarahkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk menetapkan sasaran khusus bagi merumuskan strategi pengambilan yang berkesan dan bagi menyediakan peluang yang adil serta saksama terhadap kenaikan pangkat dan kemajuan kerjaya dalam perkhidmatan awam termasuk polis dan Angkatan Tentera," kata parti itu lagi.

Ini merupakan satu daripada 16 resolusi yang diluluskan oleh MIC pada akhir Perhimpunan Agung Tahunan ke-57 parti berkenaan yang berlangsung selama dua hari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Resolusi yang lain meminta Kementerian Pendidikan dan semua kerajaan negeri memastikan kemudahan infrastruktur di sekolah-sekolah Tamil dinaiktaraf, terutamanya sekolah di estet-estet.

Parti itu juga mahu program kilat dilaksanakan bagi membina semula dan mengubah suai semua bangunan sekolah Tamil yang uzur dan tidak selamat diduduki ke arah mempertingkatkan kualiti pengajaran serta pembelajaran di sekolah-sekolah itu.

Dalam satu resolusi yang lain, MIC meminta Kementerian Pendidikan memastikan jumlah tawaran yang adil dan sama rata kepada pelajar-pelajar Malaysia dari kalangan kaum India, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan mempertingkatkan kemasukan ke universiti-universiti awam bagi pelajar-pelajar yang serba kekurangan.

Ia juga mahu kementerian yang berkaitan memastikan penyertaan pelajar India yang sama rata di semua 117 Institut Latihan Perindustrian dan 14 Institut Latihan Kemahiran Belia Negara di negara ini.

Resolusi itu turut meminta kementerian yang berkaitan mengadakan program publisiti dan kesedaran bagi menarik para pelajar bukan Bumiputera serta memastikan asrama di institusi berkenaan memenuhi keperluan budaya dan agama pelajar-pelajar bukan Bumiputera.

Selain itu, ia mahu Kementerian Pertahanan menimbangkan mereka yang menamatkan khidmat negara, yang akan diperkenalkan tahun depan, sebagai kategori khas bagi tujuan kemasukan ke sektor awam termasuk polis dan Angkatan Tentera.

Parti itu juga dalam salah satu resolusinya menggesa Majlis Sosial Negara bagi memastikan terdapat perwakilan daripada masyarakat India yang mencukupi pada peringkat persekutuan, negeri dan daerah semasa melaksanakan programnya.

Satu lagi resolusi meminta kerajaan mengisytiharkan Thaipusam sebagai cuti umum.

Ia turut meminta Kementerian Pembangunan Luar Bandar mempertingkatkan peruntukan bagi mikro-kredit dan menggesa Amanah Ikhtiar Malaysia untuk mengambil kakitangan yang mencukupi bagi melaksanakan programnya secara berkesan ke arah mencapai matlamat menubuhkan perniagaan-perniagaan kecil.

Resolusi yang lain termasuk pembinaan semula Iraq, gaji bulanan bagi para pekerja estet, laluan bagi pinjaman perniagaan dan latihan serta

persempadanan semula kawasan pilihan raya.

MIC juga meluluskan resolusi bagi menunjukkan sokongan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan ikrar taat setia kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

SR KHY ROS